



IKLAN JAWATAN KOSONG
MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON

(KEUTAMAAN KEPADA ANAK NEGERI SEMBILAN)

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:

| BIL. | NAMA JAWATAN / GRED | KEKOSONGAN | JADUAL GAJI | | KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN |
|------|--|------------|-------------|------------|-----------------------------|
| | | | MINIMUM | MAKSIMUM | |
| 1. | Penolong Pegawai Seni Bina Gred JA29 [Kontrak] | 1 | RM1,549.00 | RM5,701.00 | RM145.00 |
| 2. | Penolong Arkitek Landskap Gred JA29 (Kontrak) | 1 | RM1,549.00 | RM5,701.00 | RM145.00 |

* Jadual gaji di atas tidak termasuk Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA), Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) dan Bantuan Sara Hidup (BSH).

A.SYARAT LANTIKAN:

- i) Warganegara Malaysia;
- ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak melebihi dari 54 tahun pada tarikh tutup iklan.

B. KELAYAKAN LANTIKAN:

1. PENOLONG PEGAWAI SENI BINA GRED JA29 [1 KEKOSONGAN]

- i. Memiliki **kepujian** dalam subjek **Bahasa Melayu** pada peringkat **Sijil Pelajaran Malaysia(SPM)/Sijil Vokasional Malaysia** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- ii. Memiliki **sijil** dalam **bidang seni bina** yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **(Gaji permulaan ialah RM1,549.00)** atau
- iii. Memiliki **diploma** dalam **bidang seni bina** yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institut pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. **(Gaji permulaan ialah RM1,935.02)**

2. PENOLONG ARKITEK LANDSKAP GRED JA29

[1 KEKOSONGAN]

- i. Memiliki **kepujian** dalam subjek **Bahasa Melayu** pada peringkat **sijil pelajaran malaysia/sijil vokasional Malaysia** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- ii. Memiliki **sijil** dalam **bidang teknologi landskap** yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institut pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
(Gaji permulaan ialah RM1,549.00) atau
- iii. Memiliki **sijil** dalam **bidang perancang bandar, kejuruteraan awam (seni bina) atau seni bina** yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
(Gaji permulaan ialah RM1,549.00) atau
- iv. Memiliki **diploma** dalam **bidang seni bina landskap** yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institut pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah RM1,935.02)

C. CARA MEMOHON

- i) Borang permohonan boleh dimuat turun di laman web rasmi MPPD di www.mppd.gov.my.
- ii) Borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan disertakan salinan maklumat-maklumat yang **DIAKUI SAH** oleh Pegawai Kerajaan Gred A (Gred 41 dan ke atas)/Penghulu/Pengerusi JKKK.
 - a. Gambar warna ukuran pasport;
 - b. My Kad/Kad Pengenalan;
 - c. Sijil kelahiran (surat beranak);
 - d. Sijil berhenti sekolah;
 - e. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM);
 - f. Sijil-sijil berkaitan.
- iii) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang berkhidmat dengan Kerajaan/Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing dan menyertakan bersama-sama dengan **Kenyataan Perkhidmatan** yang dikemaskini dan **Laporan Prestasi Tahun 2016**.
- iv) Nama jawatan hendaklah ditulis di bahagian atas sebelah kiri sampul surat dan borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke alamat seperti di bawah:

**Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Port Dickson,
Km 1, Jalan Pantai,
71009 Port Dickson.
(u.p.: Jabatan Pentadbiran dan Sumber Manusia)**

D. TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 16 MEI 2017

E. PERMOHONAN YANG BERIKUT AKAN DITOLAK SEKIRANYA:

- i) Borang permohonan tidak lengkap atau tidak bergambar;
- ii) Tidak memenuhi syarat iklan; dan
- iii) Tidak disertakan dokumen sokongan yang diakui sah dan tidak ditandatangani.

F. PERHATIAN

- i) Hanya calon yang berkelayakan selepas tapisan/senarai pendek sahaja akan dipanggil untuk ujian bertulis dan temu duga melalui panggilan telefon atau surat.
- ii) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan **selepas tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya. (Tiada makluman bersurat/telefon akan dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Port Dickson)
- iii) Pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temu duga dan segala keputusan yang dibuat berkaitan dengan urusan ini adalah **MUKTAMAD**.